

06/10/1998

Apec, Anwar adalah dua isu berbeza

WALAUPUN lebih sebulan lagi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan dilangsungkan di negara ini, ia mula mencetuskan perkembangan kontroversi. Walaupun isu kehadiran pemimpin dunia dari 21 negara, termasuk tiga negara pemerhati iaitu Russia, Vietnam dan Peru, dibangkitkan oleh media asing, yang mengaitkannya dengan isu penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, namun Malaysia selaku tuan rumah persidangan kali ini, tidak sedikit pun melatah. Tidak mustahil kempen memburuk-burukkan Malaysia akan bertambah hebat selepas ini berikutan jaminan ramai pemimpin negara Apec termasuk Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, Presiden Russia, Boris Yeltsin, Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi, Presiden Korea Selatan, Kim Dae-Jung, Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien dan Presiden Filipina, Joseph Estrada, mereka akan hadir pada persidangan kali ini. Kita percaya, selepas ini pelbagai maklumat sinis terhadap negara ini akan gembar-gemburkan, supaya pemimpin negara Apec yang akan hadir, mengubah fikiran mereka.

Hakikatnya, penahanan Anwar dan Apec adalah dua isu yang berbeza. Apec bersidang untuk membincangkan pelbagai perkara kepentingan serantau yang mencakupi pelbagai bidang kerjasama dan menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan isu ekonomi, perdagangan, globalisasi dan sebagainya, manakala isu Anwar adalah masalah dalaman yang tidak ada kaitan langsung dengan kepentingan Apec.

Tidak ada sebab Apec perlu mengubah tempat persidangan ke negara lain sedangkan ia sudah diputuskan dalam persidangan di Vancouver, Kanada, tahun lalu, melainkan ada negara yang berasa cemburu pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah tahun ini. Australia nampaknya begitu bersungguh-sungguh supaya persidangan itu dipindahkan ke negaranya, sebagaimana negara itu juga mahukan Sukan Komanwel ke-XVI lalu dipindahkan ke negaranya. Walaupun Timbalan Perdana Menteri Australia, Tim Fisher dan Pegawai Kanan Kementerian Luar Kanada bagi Asia dan Pasifik, Raymond Chan begitu kritikal terhadap Malaysia, mereka tidak mungkin dapat mempengaruhi pemimpin negara Apec yang lain. Pandangan mereka lebih berupa pandangan peribadi yang tidak berasaskan realiti keadaan sebenar di negara ini.

Alasan keselamatan yang digembar-gemburkan, tidak menunjukkan kematangan. Dalam persidangan di Vancouver, tahun lalu, Kanada juga menghadapi masalah dalaman hingga mencetuskan rusuhan, tetapi persidangan berjalan lancar. Hari ini, di mana juga ada persidangan antarabangsa, ada sahaja demonstrasi yang dijalankan pihak tertentu dengan matlamat mereka masing-masing. Apakah di Australia tidak ada sebarang demonstrasi atau tidak ada orang awam yang ditangkap kerana menganjurkan tunjuk perasaan?. Di negara itu, rasanya, tindakan lebih tegas biasanya diambil. Walaupun ia hanya membabitkan bilangan penunjuk perasaan yang kecil, mereka yang terbabit akan ditangkap dan dikenakan hukuman.

Jika ada kempen yang dijalankan untuk menghalang pemimpin negara Apec datang ke negara ini, motif mereka hanyalah untuk menyekat pimpinan Malaysia memberi maklumat yang benar mengenai keadaan di negara ini di samping menjelaskan pelucutan jawatan Anwar dari Kabinet dan pemecatannya daripada Umno. Mereka yang cuba memburuk-burukkan Malaysia itu bimbang seandainya pemimpin negara Apec melihat sendiri keadaan di negara ini, mereka mungkin membuat persepsi baru terhadap Malaysia. Semua ini adalah gara-gara takut kepada bayang-bayang sendiri.

Soal jaminan keselamatan di negara ini tidak timbul sama sekali kerana

ini bukanlah pertama kali Malaysia menyambut tetamu dalam kumpulan yang besar. Kita tidak nampak bezanya kempen memburuk-buruk Malaysia menjelang Sukom lalu, hingga mengaitkan soal ancaman jerebu yang tujuannya hanyalah untuk menggagalkan kehadiran negara peserta ke negara ini. Kejayaan Sukom membuktikan bahawa segala dakwaan sebelum ini, tidak mempunyai asas yang kukuh.

Bagi Malaysia, kehadiran pemimpin negara Apec akan membolehkan mereka mendengar sendiri penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah dalaman yang dihadapi hari ini. Secara kebetulan kes Anwar akan dibicarakan mulai 2 hingga 14 November agak hampir dengan persidangan Apec pada 17 dan 18 November, rasanya, pemimpin negara Apec, akan mendapat gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai isu itu. Oleh itu, mereka seharusnya mengambil kesempatan itu daripada mendapat maklumat yang tidak tepat daripada media asing yang memangnya diketahui ingin melihat negara ini kucar-kacir.

(END)